



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PENSTRIMAN LANGSUNG (LIVE STREAMING) PROSIDING SIASATAN KES
KEMATIAN NORA ANNE QUIRIN DI MAHKAMAH KORONER, KOMPLEKS
MAHKAMAH SEREMBAN**

Prosiding siasatan kes kematian Nora Anne Quirin di Mahkamah Koroner, Kompleks Mahkamah Seremban akan dijalankan bermula 24 Ogos 2020.

Kesemua 64 orang saksi akan dipanggil untuk memberi keterangan dan membantu siasatan bermula 24 hingga 28 Ogos 2020 dan bersambung pada 1 hingga 4 September 2020.

Sehubungan dengan itu, Badan Kehakiman Malaysia akan mengadakan penstriman langsung mengenai prosiding tersebut dan orang ramai boleh menyaksikannya bermula pada 24 Ogos 2020 jam 9.00 pagi melalui Portal Rasmi Badan Kehakiman Malaysia dan sosial media rasmi YouTube dan Facebook Badan Kehakiman Malaysia : *The Malaysian Judiciary*.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 21 Ogos 2020